

06/09/1997

Soros nafi jual RM ketika jatuh

TABUNG kewangan milik jutawan Amerika Syarikat, George Soros, menafikan menjual mata wang Malaysia ketika kejatuhan ringgit baru-baru ini malah mendakwa mereka membeli unit tempatan itu, kata laporan Wall Street Journal, di New York.

Ketua Strategi Pelaburan Tabung Urusan Soros, Stanley Druckenmiller, membuat ulasan itu, sebagai membalas dakwaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa beliau membuat jualan singkat ringgit, sekali gus menyebabkan krisis mata wang Malaysia.

Druckenmiller berkata, Tabung Quantum Soros bernilai AS\$9.1 bilion (RM26.85 bilion) melepaskan jualan singkat dengan membeli ringgit Malaysia pertengahan Julai.

"Oleh yang demikian, katanya, tabung berkenaan sebenarnya lebih kepada menyokong untuk mempertahankan nilai ringgit dan bukannya menggalakkan ia jatuh," kata laporan itu.

Pasaran saham Malaysia kehilangan kira-kira 35 peratus nilainya sejak akhir Mac lalu dan ringgit menjunam kira-kira 18 peratus berbanding dolar sejak awal Julai.

Kelmarin, ringgit jatuh pada tahap paling rendah dengan kadar pertukaran 3.0520 bagi setiap dolar tetapi pulih kukuh semalam untuk diniagakan kira-kira 2.9500. - Reuter

(END)